

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Berdasarkan analisis Bab 4, terdapat banyak isi kandungan cerita yang berjaya menarik perhatian kanak-kanak untuk membaca komik humor Doraemon ini. Kajian yang dianalisis dalam Bab 4 adalah tentang penggunaan bahasa dan unsur-unsur sosial yang digunakan dalam mempengaruhi kanak-kanak membaca komik tersebut. Isi kandungan yang dianalisis itu dapat dijadikan panduan kepada para ibu bapa dan guru-guru serta masyarakat Malaysia supaya memberi kebenaran kepada kanak-kanak membaca bahan bacaan berbentuk komik.

5.1 Penerapan Pengajaran Terhadap Perlakuan Sosial Kanak-kanak

Banyak penerapan pengajaran dalam buku komik Doraemon boleh diperolehi. Berdasarkan kajian enam buah buku Doraemon, didapati wujud unsur pengajaran yang banyak di dalamnya. Berikut dinyatakan unsur pengajaran yang boleh didapati hasil pembacaan buku komik Doraemon siri 40 hingga 45. Dalam komik Doraemon siri 40 terdapat pengajaran seperti seseorang kanak-kanak tidak boleh bercakap tanpa berfikir terlebih dahulu kerana ia mungkin akan menimbulkan masalah kepada diri sendiri atau orang lain. Ini terbukti daripada watak Nobita yang telah berjanji kepada Shizuka untuk meminta bantuan Doraemon membawa mereka menginap di dalam sebuah istana di Jerman. Bagaimanapun Doraemon tidak dapat membantunya kerana istana tersebut terpaksa disewa sedangkan mereka tiada wang untuk itu. Selain daripada itu, terdapat

unsur pengajaran supaya kanak-kanak perlu menjadi pelajar yang baik bagi mengelakkan guru berkunjung ke rumah untuk memaklumkan kepada ibu bapa akan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut semasa di sekolah. Dalam hal ini, Nobita cuba untuk mencapai markah yang baik dalam peperiksaan agar tidak dimarahi oleh ibu bapanya. Kanak-kanak juga disarankan agar tidak mudah berputus asa atas sesuatu kekecewaan. Kanak-kanak harus berusaha untuk mengubah sesuatu yang buruk itu untuk menjadi lebih baik seperti dalam komik Doraemon yang menceritakan tentang Nobita yang selalu sahaja menyerahkan kepada takdir tentang kelemahannya sedangkan kelemahan itu berpunca daripada Nobita sendiri yang malas mengulang kaji pelajaran kerana terlalu bergantung harap kepada Doraemon untuk menyudahkan sesuatu pekerjaan.

Dalam komik Doraemon siri 41 antara pengajaran yang boleh diambil ialah seorang kanak-kanak perlu mengelakkan diri daripada menjadi mangsa buli atau menjadi pembuli di sekolah. Sebagai contoh Nobita yang sering dibuli oleh Giant telah meminta bantuan Doraemon untuk membalas dendam. Bagaimanapun Doraemon telah menasihatinya agar tidak bergantung kepadanya untuk menjadi kuat tetapi perlu memperbanyakkan latihan dan makan makanan yang berkhasiat. Selain itu, kanak-kanak juga harus mendengar cakap ibu bapa dan tidak menipu mereka. Contohnya Nobita telah diberi nasihat dan amaran oleh ibunya supaya menyiapkan kerja sekolah tetapi Nobita telah menggunakan alatan ajaib milik Doraemon untuk membantu menyiapkan kerja sekolahnya. Hal ini menyebabkan Nobita menjadi seorang yang pemalas dan tidak dapat menjadi pelajar yang baik kerana bukan Nobita sendiri yang menyiapkan kerja sekolah tersebut. Di sini juga wujud sikap Nobita yang telah menipu

ibunya. Selain itu terdapat pengajaran supaya melakukan sesuatu dengan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Dalam komik Doraemon ini didapati Nobita telah membantu orang ramai dengan mengenakan bayaran 10 yen bagi menolong membuang barang-barang yang tidak lagi digunakan. Hal ini tidak bermoral kerana Nobita menolong orang ramai dengan menggunakan alatan Doraemon dan bukan usahanya sendiri.

Sementara komik Doraemon siri 42 terdapat pengajaran tentang perlunya kanak-kanak meminati mata pelajaran lukisan. Nobita adalah mewakili kanak-kanak lelaki yang tidak suka akan mata pelajaran lukisan. Seperti yang kita tahu mata pelajaran lukisan amat penting kerana kebanyakan sekolah di seluruh dunia menawarkan mata pelajaran ini. Atas sikap Nobita yang tidak meminati mata pelajaran lukisan, menjadikannya sentiasa tidak bersemangat untuk pergi ke sekolah. Tambahan pula, Nobita akan cuba sedaya upaya untuk mengambil kesempatan daripada Doraemon supaya dapat menggunakan apa sahaja alatan yang boleh membantunya dapat melukis dengan baik.

Selain itu pengajaran supaya mementingkan pelajaran daripada bermain turut terdapat dalam komik ini. Contohnya ibu Nobita kerap memarahi Nobita kerana tidak menyiapkan kerja sekolah terlebih dahulu sebelum Nobita keluar bermain. Sepatutnya sebagai kanak-kanak yang hidup pada zaman moden ini, mereka perlu mementingkan pelajaran supaya tidak ketinggalan berbanding dengan orang lain. Lebih-lebih lagi, Nobita merupakan seorang lelaki yang bakal menjadi ketua keluarga dan mempunyai pelajaran yang tinggi akan menentukan masa hadapan yang cerah baginya.

Selain itu, terdapat beberapa pengajaran lain dalam komik Doraemon dan antaranya adalah kepentingan menjaga kebersihan seperti mengajar kanak-kanak untuk menjaga kebersihan taman rekreasi dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

Dalam komik siri 43 pula terdapat kepentingan kanak-kanak menyiapkan kerja sekolah dan membendung sikap malas untuk kesekolah juga merupakan pengajaran yang ditonjolkan dalam komik Doraemon. Perkara sedemikian boleh memberi motivasi positif kepada kanak-kanak dan terus bertekad untuk mengubah atau mengikis sikap malas tersebut. Kanak-kanak perlu memahami akan kepentingan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru adalah untuk kebaikan pelajar supaya dapat memahami dan mempelajari pelajaran yang telah diajar. Dalam komik Doraemon ini juga telah mengajar kanak-kanak supaya tidak bergantung kepada orang lain untuk memperoleh sesuatu. Hal ini dapat dilihat daripada sikap Nobita yang terlalu bergantung kepada Doaremon hingga menyebabkan Nobita tidak mampu berdikari dalam membuat sebarang pekerjaan. Oleh itu, seseorang kanak-kanak perlu berlatih dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya seperti mana terdapat sikap Suneo yang berlatih bersungguh-sungguh untuk berjaya.

Buku komik Doraemon siri 44 pula mengandungi pengajaran seperti seseorang kanak-kanak tidak boleh membuli rakan-rakan yang lain terutama mereka yang lemah. Sebagai contoh Giant yang mempunyai tubuh yang besar sering membuli kanak-kanak yang lemah terutamanya Nobita yang mempunyai sikap seperti seorang perempuan kerana kelemahannya yang tidak suka permainan lasak tetapi lebih cenderung kepada permainan kanak-kanak perempuan. Dalam komik tersebut juga mengandungi

pengajaran lain iaitu kanak-kanak harus mengawal rasa marah dengan cara yang betul dan bukan secara kasar. Nobita umpamanya, telah meluahkan rasa marah dengan menghempas barang-barang yang ada di dalam rumahnya. Bagaimanapun barang-barang yang telah rosak dapat dipulihkan semula dengan begitu mudah atas pertolongan Doraemon. Perbuatan menghempas barang di rumah merupakan suatu perbuatan yang tidak baik. Kanak-kanak disarankan agar mencari rakan untuk berbincang jika merasa diri mereka tertekan. Perbincangan dengan guru dengan ibu bapa dan guru di sekolah juga mampu mengurangkan tekanan seorang kanak-kanak. Begitu juga tentang perlunya kanak-kanak menyelesaikan pertelingkahan secara baik tanpa ada pergaduhan. Oleh itu, perbincangan adalah cara terbaik untuk mengurus perasaan marah dan untuk menyelesaikan sebarang masalah serta dapat menghindarkan diri daripada berlakunya kerosakan dan kemusnahan.

Dalam komik Doraemon siri 45 pula pengajaran yang dapat diperolehi antaranya ialah kanak-kanak harus memahami akan kepentingan mempunyai kebolehan menguruskan hidup dengan sendiri agar mereka boleh menyesuaikan diri bagi menghadapi hari-hari mendatang. Seterusnya terdapat pengajaran kepada ibu bapa agar berhati-hati memberi upah kepada anak-anak apabila menghendaki mereka melakukan sesuatu tugas. Kanak-kanak sebaliknya harus membantu ibu bapa dengan ikhlas walaupun ibu bapa tidak memberi upah.

Selain itu, terdapat unsur kepentingan menabung. Sifat menabung boleh dipraktikkan kepada kanak-kanak sejak mereka kecil lagi atau semenjak mereka di sekolah rendah

lagi. Melalui sifat suka menabung ini akan mengajar kanak-kanak untuk berjimat cermat dan untuk kepentingan pada masa hadapan.

Pengajaran berguna yang lain pula ialah kanak-kanak perlu menghindari perasaan takut akan hantu. Dalam erti kata lain, kanak-kanak harus berani menghadapi cabaran dan membina semangat dan keyakinan diri agar mereka dapat mengharungi kehidupan dengan baik. Seterusnya ialah terdapat sikap terpuji yang harus dimiliki oleh kanak-kanak ialah sikap menyayangi haiwan. Daripada sikap tersebut akan menjadikan diri kanak-kanak prihatin terhadap orang lain. Ini kerana perasaan menyayangi haiwan akan menjadikan kanak-kanak mudah menyayangi sesiapa sahaja yang mengambil berat ke atasnya terutamanya kepada ahli keluarga mereka. Komik Doraemon ini juga dapat melatih kanak-kanak supaya mempunyai akal dan imaginasi yang tinggi dalam menghadapi sesuatu perkara. Hal ini berlaku daripada Nobita yang digambarkan sebagai seorang yang aktif dan mempunyai idea yang tinggi kesan daripada pengaruh bacaan buku komik yang menjadikan beliau bersikap aktif dan mempunyai idea yang tinggi.

5.2 Pengaruh Penggunaan Bahasa Standard dan Tidak Standard

Bahasa adalah perkara asas untuk menyampaikan mesej sesebuah cerita. Bahasa yang baik akan dapat menyampaikan mesej sama ada secara tersurat atau secara tersirat dengan mudah. Bahan bacaan yang mempunyai unsur bahasa yang baik daripada segi tatabahasanya akan dapat memudahkan seseorang untuk menguasai kemahiran berbahasa. Sebaliknya jika sesuatu bahan bacaan tidak mempunyai mutu yang baik daripada segi tatabahasanya, ianya akan menjadikan seseorang itu sukar memperoleh

kemahiran berbahasa sesuatu bahasa itu. Oleh itu, penggunaan bahasa yang baik dalam komik Doraemon dapat menjamin bahawa kanak-kanak akan turut menerima manfaat daripada segi kemahiran berbahasa hasil pembacaan komik Doraemon.

Buku komik Doraemon banyak memaparkan bahasa yang standard. Apabila bahasa yang standard ini digunakan pada dialog-dialog oleh watak-watak dalam komik Doraemon, ia kelihatan seolah-olah bukan berada dalam latar masyarakat yang sebenarnya. Ini kerana dalam keadaan masyarakat yang sebenar, kebanyakan daripada mereka menggunakan bahasa yang tidak standard. Lebih-lebih lagi bagi seorang kanak-kanak adalah sukar untuk menuturkan bahasa yang standard terutama daripada segi sebutan dan tatabahasanya. Nobita dan Doraemon adalah watak utama yang banyak menggunakan bahasa yang standard yang sekaligus menjadikan komik ini sesuai dibaca sebagai bahan bacaan pembelajaran bahasa Malaysia. Ini dapat dibuktikan daripada unsur tatabahasa dan penggunaan perkataan yang begitu baik dituturkan oleh kanak-kanak seperti Nobita.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan yang berbentuk standard seperti *terhenti, alat permainan, mengulangkaji pelajaran, nyata* serta *dipaparkan* telah digunakan sedangkan perkataan yang berbentuk tidak standard seperti *berhenti, mainan, belajar, jelas* dan *dikeluarkan* tidak digunakan dalam ujaran antara watak-watak dalam buku komik tersebut. Penggunaan bahasa standard akan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mempelajari perkataan dalam bahasa Malaysia dengan cara yang betul dan ini akan memberi manfaat kepada kanak-kanak terutamanya bagi mereka yang kurang mahir berbicara menggunakan bahasa standard.

Komik juga mengajar kanak-kanak menggunakan bahasa secara bersopan walaupun dalam keadaan yang marah perkataan kesat seperti “celaka” dan “bodoh” tidak digunakan, malah perkataan “geram” atau “sakit hati” sahaja yang digunakan bagi menggambarkan peransaan marah.

Walaupun terdapat bahasa yang tidak standard yang digunakan dalam buku komik tersebut namun unsur bahasa yang tidak standard digunakan hanya untuk menjadikan buku komik Doraemon nampak segar dan dapat menghilangkan kebosanan. Dalam konteks buku komik Doraemon memang jelas Doraemon, Nobita, Giant, Shizuka dan Suneo adalah bersahabat dan untuk menunjukkan solidariti, mereka lebih selesa menggunakan bahasa tidak standard. Suasana yang kelihatan agak janggal dan terkawal akan berlaku sekiranya bahasa standard digunakan. Penggunaan bahasa yang tidak standard penting bagi memperlihatkan sesuatu dialog dalam watak menjadi hidup atau kelihatan *real*. Ini akan menjadi elemen penting untuk menyemai minat membaca buku komik bagi kanak-kanak kerana kita tahu kanak-kanak tidak berminat membaca buku yang bersifat akademik. Bagaimanapun dalam buku komik Doraemon, penggunaan bahasa yang tidak standard dilihat masih berada pada paras yang baik kerana tidak menggunakan bahasa yang terlalu bersifat slanga iaitu bahasa yang mungkin hanya difahami oleh kanak-kanak.

5.3 Pengaruh Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris

Dalam komik Doraemon siri 40 hingga siri 45, terdapat sebanyak 471 perkataan yang digunakan sama ada ianya berulang atau tidak. Dalam jumlah itu pula sebanyak 272 jenis perkataan dari bahasa Inggeris yang digunakan. Jumlah ini sudah cukup

membayangkan bahawa terlalu banyak perkataan bahasa Inggeris yang digunakan dalam komik Doraemon ini. Jika dilihat dalam contoh perkataan yang dianalisis dalam Bab 4 seperti *eksperimen*, *Februari*, *besbol*, *profesioanal*, *fungsi*, *automatik*, *helikopter*, *frekuensi*, *mikrofon* dan *robot* adalah perkataan yang sememangnya sudah menjadi perkataan bahasa Malaysia. Malahan, perkataan-perkataan tersebut juga wujud dalam buku-buku teks persekolahan kanak-kanak di Malaysia. Keadaan ini menggambarkan bahawa walaupun perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang telah dijadikan perkataan bahasa Malaysia tetapi mungkin masih ramai masyarakat yang ada di Malaysia ini menganggap bahawa perkataan-perkataan tersebut adalah perkataan dasar dalam bahasa Malaysia.

Bayangkan apakah perkataan yang sesuai dalam bahasa Malaysia untuk menggantikan perkataan daripada pinjaman bahasa Inggeris *automatik* dan *helikopter*? Ini sebagai petunjuk bahawa perkataan yang disebutkan itu sememangnya tiada dalam bahasa Malaysia. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan perkataan-perkataan pinjaman tersebut menjadi bukti bahawa kanak-kanak akan mendapat banyak manfaat daripada pembacaan buku komik Doraemon. Perkataan bahasa Inggeris seperti *helikopter*, *frekuensi*, *mikrofon* dan *robot* adalah merupakan perkataan yang diresap masuk bersama-sama dengan kemajuan teknologi di Malaysia. Perkataan *eksperimen* pula merupakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Begitu juga dengan perkataan *Februari*, *besbol*, *profesional*, *fungsi* dan *automatik* yang juga merupakan perkataan asal bahasa Inggeris. Perkataan-perkataan ini tiada terjemahan dalam bahasa Malaysia.

5.4 Pengaruh Penggunaan Kata Seruan

Kata seruan wujud dalam semua bahasa dan kewujudan kata seruan ini berfungsi untuk menegaskan sesuatu. Kata seruan ini tidak mempunyai makna tetapi apabila diujarkan kata seru ini akan mewakili sesuatu situasi seperti berfungsi untuk menggambarkan marah, geram, sakit, kagum dan sebagainya. Dalam kajian sebelum ini, didapati banyak kata seru telah digunakan dan didapati juga kata seru *oh* dan *eh* adalah ujaran yang paling kerap digunakan. Dalam konteks ini, perkataan *oh* dan *eh* digunakan kerana penuturnya adalah terdiri daripada kanak-kanak. Oleh sebab kanak-kanak sebagai manusia yang sedang mengalami proses pembelajaran, maka sudah tentu mereka memerlukan banyak pengajaran daripada orang lain. Dalam hal ini, jika dilihat watak Nobita dalam komik Doraemon, Nobita sering menggunakan kata seru *oh* akibat reaksi daripada sikapnya yang baharu memahami sesuatu yang diajar oleh Doraemon. Begitu juga dengan perkataan *eh* adalah untuk menggambarkan perasaan terkejut atau juga meluahkan perasaannya yang agak terkilap apabila Nobita tidak setuju dengan perlakuan seseorang terhadapnya. Bukan sahaja Nobita, bahkan watak-watak lainnya dalam komik Doraemon turut mengungkapkan perkataan *oh* dan *eh*.

Watak kanak-kanak tersebut dianggap juga sebagai mewakili sebahagian besar kanak-kanak di Malaysia. Oleh itu, kesan penggunaan kata seru ini amat membantu bagi kanak-kanak meminati bahan bacaan Doraemon berdasarkan dialog watak kanak-kanak yang terlibat dalam komik Doraemon sebagai mewakili dialog mereka dalam keadaan sebenarnya. Hal ini juga mampu membantu pengajaran bahasa Malaysia di Malaysia kerana kata seru yang digunakan bukan terdiri daripada kata seru yang berbentuk kasar

seperti perkataan *celaka*, *sial* dan sebagainya yang walaupun terdapat dalam Kamus Dewan tetapi penggunaannya adalah secara tidak formal dan dianggap kasar.

Amat jelas kata seru yang digunakan dalam komik Doraemon ini amat sesuai digunakan dan seterusnya dapat menjadi bahan bacaan bermutu yang berguna kepada kanak-kanak. Penggunaan kata seru ini seolah-olah menjadi satu penggunaan bahasa yang bertujuan untuk meluahkan perasaan seseorang kanak-kanak. Oleh itu, penting bagi ibu bapa untuk melihat dahulu kata seruan sama ada ianya baik atau tidak kerana kanak-kanak cepat mempelajari sesuatu yang berbentuk songsang atau diluar sempadan panduan yang diberikan oleh ibu bapa itu sendiri. Di sini juga adalah menjadi panduan penting kepada para penerbit buku untuk menyediakan bahan bacaan yang baik dari segi penggunaan bahasanya.

5.5 Implikasi Penggunaan Unsur Binatang, Magik, Fantasi, Sejarah, Mitos dan Legenda

Bahan bacaan komik Doraemon dapat meluaskan minda kerana apabila kanak-kanak rajin membaca komik yang berfaedah akan dapat pula meninggikan pengetahuan mereka. Selain itu dengan bacaan buku komik yang banyak ini juga akan menyebabkan kanak-kanak terdorong untuk membaca lebih banyak bahan bacaan lain sama ada bahan bacaan itu bersifat hiburan ataupun berbentuk akademik.

Kajian ini mendapati bahawa kesan penggunaan unsur binatang adalah dianggap sebagai sesuatu yang penting kepada kanak-kanak. Kanak-kanak lazimnya amat menyukai binatang terutama binatang peliharaan. Malah secara naluri seorang kanak-

kanak akan membelai-belai seekor kucing yang comel dan manja. Dalam buku komik Doraemon terdapat binatang yang begitu dikenali oleh kanak-kanak seperti kucing, anjing, burung, tikus, kuda, lembu, singa dan monyet yang menjadi unsur tarikan dalam komik ini.

Di Malaysia dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah tidak terlepas dengan buku cerita “Sang Kancil dan Sang Bedal (buaya)”. Selain itu muncul istilah lainnya bagi binatang yang berbeza dalam bahasa Melayu iaitu *Sang Belang*, *Si Comot*, *Si Jalak* dan sebagainya. Unsur binatang juga banyak dipaparkan dalam kebanyakan cerita di televisyen sama ada ianya cerita bersifat kartun, rencana ataupun filem.

Malahan dalam konteks binatang di Barat ia juga amat digemari seperti dalam kartun “Tom and Jerry”, “Bugs Bunny”, “Barney” (dinosaur) dan sebagainya. Kadang-kala watak-watak yang ada dalam cerita Barat sukar diterima oleh masyarakat Melayu. Contohnya cerita bagi kanak-kanak yang bertajuk “Babe” merupakan kisah tentang seekor khinzir. Mungkin cerita ini tidak menjadi popular dalam kalangan kanak-kanak Melayu kerana khinzir adalah unsur yang dipandang hina dalam agama Islam. Di sini juga memperlihatkan sikap kanak-kanak yang bukan sahaja lelaki malahan kanak-kanak perempuan juga amat meminati binatang. Oleh itu unsur binatang juga dapat menjadi tarikan utama untuk mempengaruhi kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan bagi membaca sesuatu bahan bacaan.

Unsur magik dan fantasi penting bagi kanak-kanak kerana ia merupakan suatu imaginasi. Unsur magik ini boleh dijadikan senjata untuk melarikan sesuatu barangan

seperti buku komik Doraemon. Tambahan pula unsur imaginasi pada kanak-kanak dikatakan tidak merosakkan malah menjadi satu unsur kreativiti untuk menghasilkan sesuatu ciptaan yang sebelum ini dianggap mustahil. Filem “Star Wars” yang memaparkan pengembaraan di angkasa lepas misalnya, telah menjadikan para saintis cuba merealisasikan ciptaan-ciptaan yang ada dalam filem tersebut dan juga dalam buku komik Doraemon seperti jam perhubungan dan mesin menghilangkan diri. Unsur magik dan fantasi seperti ini turut menjadi unsur penting untuk menarik minat kanak-kanak untuk membaca sesuatu bahan bacaan kerana ianya dapat menjadikan mereka lebih kreatif kerana secara lazimnya sudah sememangnya menjadi sifat semula jadi kanak-kanak yang sentiasa ingin mengetahui tentang sesuatu kejadian.

Unsur sejarah, mitos dan lagenda juga adalah unsur penting dalam pembelajaran seorang kanak-kanak. Dalam buku komik Doraemon terdapat sejarah tentang negara Jepun. Kanak-kanak di Malaysia atau seluruh dunia yang membaca buku komik Doraemon akan dapat mengetahui sejarah negara tersebut. Kisah yang berdasarkan sejarah, mitos dan lagenda lazimnya adalah lebih diminati oleh kanak-kanak lelaki berbanding kanak-kanak perempuan kerana kanak-kanak perempuan lebih terdorong untuk membaca kisah tentang kasih sayang, kekeluargaan dan seumpamanya. Selain itu juga unsur mitos penting dalam kebudayaan sesebuah negara. Walaupun unsur mitos dalam buku komik Doraemon adalah mitos tentang kisah di negara Jepun, tetapi ianya boleh menjadi pengajaran kepada kanak-kanak supaya menghormati mitos sesuatu bangsa termasuk bangsa Malaysia.

Begitu juga dengan lagenda juga menjadi unsur penting kepada kanak-kanak. Setiap negara mempunyai lagenda mereka sendiri. Seperti masyarakat Melayu yang mempunyai lagenda Hang Tuah yang sehingga kini tiada siapa dapat membuktikan dan menafikan kewujudannya. Ini kerana nama Hang Tuah telah ditulis dalam buku Sejarah Melayu dan juga ditulis melalui catatan seorang pengembara Cina. Dalam buku komik Doraemon, unsur lagenda dipaparkan melalui watak Cinderella yang dimunculkan dalam komik tersebut. Unsur-unsur ini sudah tentu dapat menarik minat kanak-kanak lelaki dan perempuan di mana kanak-kanak perempuan akan berkhayal untuk mengahwini seorang putera raja manakala kanak-kanak lelaki pula akan berangan untuk menjadi anak raja dan wira yang dapat menyelamatkan gadis yang cantik.

5.6 Kesan Penggunaan Unsur Humor

Unsur humor adalah nadi bagi komik Doraemon ini yang mana ianya berjaya menarik minat kanak-kanak membaca komik tersebut terutamanya kanak-kanak lelaki. Semua orang mengetahui bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih terdorong untuk membaca kisah yang berbentuk humor berbanding kanak-kanak perempuan. Dalam kehidupan biasa juga didapati kanak-kanak lelaki adalah yang lebih suka berjenaka. Hal ini adalah sesuai dengan kajian Lakoff (1975), bahawa wanita tidak pandai melawak.

Kanak-kanak lelaki lebih mudah menerima sesuatu pengajaran dengan jenaka. Mereka kurang memberikan reaksi terhadap sesuatu pembelajaran yang berbentuk serius. Di sekolah, keadaan yang sama berlaku kepada kanak-kanak lelaki yang lebih banyak bergerak dan bermain semasa di dalam kelas. Oleh itu, dengan adanya unsur humor dalam komik Doraemon ini akan menjadikan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak

lelaki untuk dekat dengan komik. Seterusnya mungkin juga apa sahaja buku yang mempunyai unsur humor akan lebih difahami dan mudah dieterima oleh kanak-kanak lelaki.

5.7 Kesan Perbandingan Lelaki dan Wanita dalam Buku Komik Doraemon

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 sebelum ini, buku komik Doraemon memaparkan watak-watak lelaki sebagai watak utama. Watak Doraemon, Nobita, Giant dan Suneo adalah watak seorang lelaki berdasarkan kelakuan sosial mereka. Sementara watak Shizuka mudah dikesan sebagai watak wanita kerana ciri fizikal yang jelas seperti wanita iaitu berambut panjang dan cantik. Watak-watak lelaki dan perempuan ini memainkan peranan penting sebagai unsur pendidikan kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak memahami ciri-ciri yang betul bagi seorang lelaki dan perempuan.

Berdasarkan dialog watak-watak dalam buku komik Doraemon, ianya tidak dapat membuktikan sama ada lelaki atau wanita yang sepatutnya mengujarkan dialog yang lebih sopan. Ini kerana dialog watak-watak adalah sama sahaja iaitu mereka menggunakan bahasa yang standard. Umumnya kebanyakan daripada kita mengetahui bahawa bahasa standard banyak digunakan oleh wanita berbanding lelaki. Dalam buku komik Doraemon bahasa standard memonopoli penggunaannya oleh watak-watak tidak kira watak itu lelaki ataupun wanita.

Walaupun watak Nobita tidak begitu sempurna kerana dianggap lemah, tetapi cerita Doraemon ini mengandungi banyak pengajaran secara tersirat. Pengkaji yakin kanak-kanak tidak akan terpengaruh dengan penampilan sifat Nobita yang lemah kerana cerita

ini mempunyai unsur pengajaran diakhir cerita dalam setiap bab. Tambahan pula watak Nobita dijadikan seperti “orang tengah” untuk menimbulkan humor dan pengajaran.

Selain watak Giant yang digambarkan sebagai nakal dan kasar, Giant turut menggunakan bahasa yang standard dan bersopan. Unsur bahasa yang digunakan oleh watak Giant mampu mengubah persepsi kanak-kanak yang lainnya bahawa mereka tidak seharusnya menggunakan bahasa yang kasar dan biadab. Masyarakat umum tahu bahawa kanak-kanak yang kuat akan mempunyai kelakuan yang kasar dan juga cenderung untuk membuli. Oleh itu, dengan adanya watak Giant, ia akan dapat menjadi pengajaran kepada kanak-kanak lainnya bahawa sikap Giant adalah tidak baik dan tidak boleh dicontohi terutama kepada kanak-kanak yang juga mempunyai saiz badan yang besar seperti Giant. Watak Giant yang kasar juga menjadi pengajaran kepada kanak-kanak lelaki supaya tidak bersikap terlalu kejam dengan membuli orang lain yang lemah. Di sini kelihatan bahawa unsur gender yang selitkan dalam komik Doraemon adalah sebagai unsur mendidik kanak-kanak.

Selain itu, penggunaan hedges dan soalan tag tidak mengikut gender yang sepatutnya. Unsur kesopanan ini biasanya dimiliki oleh kanak-kanak perempuan. Bagaimanapun banyak juga unsur kesopanan dan soalan tag digunakan juga oleh kanak-kanak lelaki termasuk Giant dan Nobita.

Secara tidak langsung buku ini mengajar kanak-kanak untuk menggunakan bahasa yang bersopan. Dalam Bab 2 sebelum ini ada dinyatakan bahawa wanita sering dikaitkan dengan penggunaan hedges dan soalan tag. Sedangkan dalam buku komik Doraemon

semua watak lelaki menggunakan unsur tersebut. Unsur kesopanan seperti penggunaan ungkapan “minta maaf” dan “tolong” juga kerap dipaparkan dalam buku komik ini hingga menjadikan buku komik ini seolah-olah buku pembelajaran bahasa kepada kanak-kanak kerana penggunaan bahasa yang begitu sopan dan standard walaupun ketika berada dalam keadaan marah.

Watak Shizuka menjadi contoh terbaik kepada kanak-kanak supaya mempunyai ciri-ciri sepertinya. Ini kerana Shizuka digambarkan sebagai seorang yang periang dan senang berkawan dengan sesiapa sahaja. Malah, Shizuka lebih cenderung untuk berkawan dengan kanak-kanak yang mempunyai sikap yang positif seperti rajin, tidak berhasad dengki dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, Shizuka tetap berkawan dengan Nobita yang memiliki sikap pemalas. Shizuka juga pandai membawa diri tanpa terpengaruh dengan sikap pemalas Nobita dan rakan-rakan lainnya seperti Giant dan Suneo. Shizuka juga mempunyai sikap yang cergas seperti kanak-kanak lelaki. Sikap ini adalah sikap yang seharusnya ada dalam diri setiap kanak-kanak perempuan. Di samping itu, Shizuka tetap memiliki ciri-ciri feminin semula jadi seperti perasaan takut akan hantu, bercakap dengan sopan, menghormati orang lain dan tidak meninggi diri. Semua ciri-ciri yang baik pada Shizuka turut menjadi contoh teladan bukan sahaja kepada kanak-kanak perempuan tetapi juga kepada kanak-kanak lelaki agar menjadi manusia terbaik.

5.8 Kesan penggunaan Pengembaraan Masa Hadapan

Biasanya dalam kisah pengembaraan masa hadapan akan digabungkan juga dengan cerita misteri supaya cerita tersebut mempunyai kesan suspens yang dapat membangkit

perasaan ingin membaca di kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak lelaki khususnya, sudah tentu amat meminati cerita berbentuk ini kerana sifat kanak-kanak lelaki yang kuat berkhayal dan mempunyai kepekaan yang lebih tentang unsur suspens dan misteri. Tambahan pula, pengembaraan masa hadapan adalah sesuatu yang belum pernah dilihat oleh mereka. Kadang kala juga unsur pengembaraan masa hadapan dipaparkan dalam cerita yang tidak logik. Bagaimanapun kanak-kanak lelaki memang meminati cerita-cerita yang berbentuk demikian.

Antara contoh cerita pengembaraan masa hadapan dalam komik Doraemon ialah pengembaraan pada tahun 2093. Dalam pemikiran kanak-kanak akan timbul persoalan tentang adakah benar keadaan 2093 adalah seperti yang digambarkan dalam komik Doraemon tersebut? Atau mungkinkah dalam pemikiran kanak-kanak juga akan timbul persoalan bagaimanakah keadaan sebenarnya pada tahun 2093 itu nanti? Keadaan ini sebenarnya dapat memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak kerana mereka dapat menggunakan pemikiran mereka untuk memikirkan sesuatu pada masa hadapan. Mungkin juga dengan adanya alat-alat pengembaraan milik Doraemon akan dapat juga menjadikan kanak-kanak mempunyai keinginan untuk menghasilkan alat-alat sebegini. Akhirnya, dengan pemikiran yang demikian itu akan menggalakkan kanak-kanak tersebut memperoleh daya pemikiran yang tinggi untuk menghadapi hari-hari mendatang.

5.9 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian buku komik Doraemon ini tidak menyentuh ciri-ciri fizikal buku komik seperti bentuk buku yang kecil dan gambar hadapan yang berwarna-warni kerana kajian ini

ingin memberi tumpuan kepada kajian bahasa dan ciri-ciri sosial yang wujud. Ini kerana kanak-kanak di Malaysia khususnya telah didedahkan dengan cerita Doraemon. Mereka memang mengenali watak dan perwatakan kisah Doraemon melalui televisyen. Oleh itu kanak-kanak akan mudah terdorong untuk meminati buku komik ini tanpa perlu memikirkan bentuk buku sama ada bersaiz besar atau kecil dan juga cantik atau tidak cantik.

Diharapkan selepas kajian ini akan muncul kajian tentang bentuk fizikal sesuatu buku komik sama ada ia mempengaruhi kanak-kanak untuk membelinya atau tidak. Mungkin juga sekiranya ada kajian tentang ciri fizikal sesuatu buku komik, ianya boleh dikaji berdasarkan kisah dalam buku komik tersebut yang belum pernah ditayangkan di mana-mana televisyen. Mungkinkah tanpa wujud kisah kartun di televisyen akan mempengaruhi minat kanak-kanak membaca sesuatu buku komik? Persoalan ini akan terjawab dengan adanya pengkaji-pengkaji bahasa dalam buku komik di Malaysia.

Selain daripada itu, bacaan buku komik seharusnya dimulakan sejak awal umur persekolahan kerana jika bahasa sesuatu buku komik itu baik, maka kanak-kanak juga akan memperoleh kebaikannya. Tidak kira sama ada buku komik itu berbahasa Melayu, Inggeris dan sebagainya. Yang penting, jika inginkan kemahiran berbahasa yang baik, kita juga perlu banyak membaca buku komik yang juga mempunyai bahasa yang baik.

5.10 Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa pembacaan buku komik membawa banyak faedah kepada kanak-kanak. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat meningkatkan kadar celik huruf dan juga mambantu menjadikan kanak-kanak berkemahiran dalam menggunakan bahasa seperti yang mereka baca dalam sesebuah buku komik. Dalam kajian ini, buku komik Doraemon berbahasa Melayu yang telah menjadi bahan kajian, mendapati kanak-kanak mempunyai peluang cerah untuk menjadi mahir dalam penggunaan bahasa jika rajin membaca. Bagaimanapun, bahasa buku komik yang mempunyai unsur tatabahasa yang baik sahaja yang disarankan untuk dibaca. Ini kerana didapati kanak-kanak cepat terikut dengan bahasa yang ada dalam buku komik, terutama jika bahasa itu dianggap bahasa humor. Malah jika bahasa kesat yang banyak digunakan dalam sesebuah buku komik, ia juga akan melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang rendah. Sudah sampai masanya kerajaan mengkaji dan menghalang penjualan buku-buku komik yang menggunakan bahasa yang terlalu kasar dan lemah dari segi tatabahasanya. Ini kerana ia ditakuti akan menjadi ikutan kanak-kanak sehingga mereka meningkat dewasa yang seterusnya menjadi perosak kepada bahasa Malaysia itu sendiri.

Selain itu, penggunaan bahasa pinjaman bahasa Inggeris dalam komik didapati dapat membantu memahirkan kanak-kanak berbahasa Inggeris dengan cara mendedahkan mereka dengan bahan bacaann dalam bahasa Inggeris. Cara ini mungkin dianggap praktikal jika ia dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia dapat meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Ciri-ciri penggunaan bahasa Inggeris yang banyak dalam buku komik ini juga menjadikan buku komik ini popular kepada kanak-kanak kerana sekarang ini dasar kerajaan yang mementingkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kehidupan di Malaysia.